

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8

## Selangor, Johor dan Sarawak paling ramai daftar

### Selangor, Johor dan Sarawak paling ramai daftar



Data yang dikeluarkan DOSM pada Isnin.

**KUALA LUMPUR** - Selangor, Johor dan Sarawak menjadi negeri paling ramai setakat ini yang mendaftar dengan Pangkalan Data Utama (PADU).

Seramai 182,943 individu telah mendaftar PADU di Selangor diikuti Johor (85,975) dan Sarawak (72,775).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerusi hantaran di X pada Isnin mengesahkan 798,528 rakyat di negara ini telah mendaftar dengan sistem itu setakat Ahad.

PADU yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini adalah bagi meningkatkan kecekapan pengurusan yang memudahkan pengumpulan,

penyimpanan dan pengurusan data daripada pelbagai sumber.

Ia juga bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan PADU bagi membolehkan perkhidmatan lebih baik dan cekap disampaikan kepada rakyat.

Selain pemantauan dan penilaian berkesan terhadap pelaksanaan dasar negara, PADU yang merupakan pangkalan data yang berintegrasi dan berpusat mampu menjimatkan sumber secara signifikan.

Semua rakyat berumur 18 tahun ke atas perlu mendaftar dan membuat semakan data di portal PADU serta mengemas kini dan mengesahkan 39 maklumat diri yang diperlukan.